



*Sultan Ibrahim menerima menghadap Anwar di Istana Bukit Tunku, Kuala Lumpur, semalam.*

## Agong terima laporan mesyuarat ASEAN ke-47

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Istana Bukit Tunku di sini, semalam.

Pada sesi menghadap itu, Seri Paduka dipersembahkan laporan oleh Perdana Menteri mengenai hasil Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang Kemuncak Ber-

kaitan yang berlangsung di ibu negara minggu lalu.

Pejabat Perdana Menteri (PMO) kelmarin, memaklumkan sebanyak 80 dokumen hasil diterima dan diluluskan sepanjang Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 yang berlangsung dari 26 hingga 28 Oktober.

Satu lagi kejayaan penting ketika sidang itu ialah pemeteraian Perjanjian Damai KL di antara

Thailand dan Kemboja yang disaksikan Perdana Menteri dan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump.

Malaysia secara rasmi menyerahkan Kepengerusan ASEAN kepada Filipina, secara simboliknya menandakan peralihan kepemimpinan ketika Malaysia memasuki fasa akhir selaku pengerusi bagi 2025. BERNAMA